

29/09/1997

Semua negara Asean dapat untung Laluan Trans-Asia

PETALING JAYA, Ahad - Malaysia yang menjadi penggerak utama kajian projek Laluan Trans-Asia dari Singapura ke Kunming, China melalui beberapa negara Indo-China tidak akan memonopoli keuntungan daripada projek itu sebaliknya akan mengutamakan semangat Asean.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kajian pakej ekonomi yang dilakukan oleh konsortium membabitkan Renong Bhd, DRB-Hicom Bhd dan Bolton Properties Bhd akan mengutamakan kepentingan semua negara Asean.

Dr Ling yang menjadi pengerusi jawatankuasa kajian projek itu berkata, draf akhir kajian siap sebelum November ini supaya cadangan projek itu dapat dikemukakan dalam Sidang Kemuncak Asean akan datang.

"Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengemukakan laporan cadangan projek Trans-Asia kepada semua pemimpin tertinggi Asean dalam perjumpaan mereka pada akhir November ini.

"Perdana Menteri akan meyakinkan anggota Asean lain mengenai kepentingan projek itu terutama dari segi mencetuskan pembangunan di sekitar laluan kereta api bermula dari Singapura hingga ke China.

"Laporan itu berasaskan kajian kemungkinan dari segi teknikal dan ekonomi projek berkenaan yang dilakukan konsortium terbabit," katanya kepada pemberita selepas makan tengah hari bersama 30 kanak-kanak dari The Little Children Art Group of Korea di sini, hari ini.

Kanak-kanak itu yang berusia sekitar 14 tahun berada di negara ini bagi mempromosikan misi persahabatan antarabangsa di antara negara di dunia selain mencari bantuan bagi kanak-kanak Korea-Utara yang kekurangan bekalan makanan.

Projek Laluan Trans-Asia itu hasil mesyuarat Kerjasama Pembangunan Lembangan Mekong-Asean.

Empat laluan yang dicadangkan ialah Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Kemboja-Vietnam-Kunming; Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Laos-Vietnam-Kunming; Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Myanmar-Kunming; dan Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Utara Myanmar-Kunming.

Dr Mahathir sebelum ini ada mencadangkan supaya Malaysia membuat salah satu laluan menyambungkan negara berkenaan.

Kos membina sambungan yang dikehendaki itu membabitkan perbelanjaan lebih RM1.5 bilion dan pihak terbabit terpaksa menimbang laluan terbaik sesuai dengan kos serta masa pembinaan paling cepat.

Dr Ling berkata, beliau akan mempengerusikan mesyuarat dua hari bersama pakar dalam konsortium yang dilantik kerajaan mengenai kandungan kajian awal yang dilakukan, Isnin ini.

"Sebelum ini, konsortium berkenaan sudah mengumpulkan pelbagai maklumat mengenai landasan yang akan dibina di Myanmar, Kemboja dan Thailand," katanya.

Menurutnya, tujuan utama untuk mempercepatkan projek ini ialah bagi meningkatkan semangat Asean dan membolehkan negara terbabit dalam projek ini turut menyertainya.

(END)